Kolej kediaman IPTA disasar tampung 70 peratus mahasiswa menjelang 2035

Oleh ASTRO AWANI -Oktober 26, 2026 @ 11:40 am



KUALA LUMPUR – Kerajaan menyasarkan kemudahan kolej kediaman di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) mampu menampung sekurang-kurangnya 70 peratus daripada jumlah enrolmen pelajar prasiswazah sepenuh masa secara fizikal menjelang tahun 2035. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr

Kerajaan memperuntukkan RM1.1 bilion bagi tempoh 2021 hingga 2025 untuk penggantian, penaiktarafan dan pemulihan infrastruktur serta peralatan usang di IPTA. - Gambar fail

Zambry Abd Kadir berkata, sasaran itu digariskan menerusi Dasar Kemudahan Kolej Kediaman di IPTA yang dibangunkan pada November 2024 bagi menangani isu penginapan mahasiswa jangka panjang, khususnya golongan berpendapatan rendah (B40).

Bagi menyokong inisiatif tersebut, sebanyak 15 projek pembinaan kolej kediaman berkapasiti 45,000 pelajar telah disiapkan secara kerjasama awam-swasta (PPP), manakala lima projek baharu berkapasiti 21,000 pelajar kini dirancang. Selain itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut memperuntukkan RM1.1 bilion bagi tempoh 2021 hingga 2025 untuk penaiktarafan infrastruktur usang, di samping peruntukan RM800 juta pada tahun 2025 serta pelaburan strategik bersama syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).